

13 MAY 2001

Mahathir-Kaum

SELESAI PERSELISIHAN FAHAM TANPA KEKERASAN, KATA DR MAHATHIR

PETALING JAYA, 13 Mei (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini berkata rakyat pelbagai kaum dan agama di Malaysia perlu menyelesaikan sebarang perselisihan faham antara mereka tanpa menggunakan kekerasan.

Perdana Menteri berkata mereka harus bersikap tenang dan merujuk kepada kerajaan bagi mencari penyelesaian sekiranya timbul salah faham di kalangan mereka bagi mengelakkan permusuhan dan suasana tegang.

"Ini lebih baik daripada selesaikan dengan cara ganas. Jika ada permusuhan, pelbagai lain-lain pihak hendaklah cuba selesaikan dengan cara aman dan tak harus tambah masalah dengan ambil tindakan tersendiri," katanya ketika berucap pada majlis Rumah Terbuka Wesak anjuran lapan pertubuhan utama agama Buddha di sini.

Hadir sama ialah isteri Perdana Menteri Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohamed Ali dan pemimpin pelbagai agama.

Dr Mahathir berkata agama seharusnya menimbulkan perasaan taat para penganutnya dan sikap toleransi dengan pemegang agama lain.

Beliau berkata sekiranya tiada toleransi, ketegangan akan timbul dan berlaku perselisihan antara kaum yang sukar dihentikan.

Perdana Menteri memberi contoh ketegangan dan perselisihan antara penganut agama yang berbeza di Ireland Utara dan di Asia Barat antara orang Yahudi dan Islam yang sehingga kini masih berterusan.

"Malaysia bangga kerana tidak ada ketegangan dalam hubungan antara penganut yang berbeza agama. Kuil-kuil dan rumah-rumah ibadat agama yang berbeza dapat dilihat di negara ini," katanya.

Beliau berkata amalan kunjung-mengunjung sesama para penganut agama berlainan pada hari kebesaran masing-masing ternyata dapat mewujudkan keharmonian, dengan rakyat dapat menikmati kestabilan dan keamanan yang berterusan.

Pada majlis itu, Dr Siti Hasmah turut menyerahkan derma daripada penganjur majlis kepada beberapa persatuan kebajikan termasuk Tasputra Perkim, Yayasan Kiwanis dan Persatuan Orang Pekak Kuala Lumpur.

-- BERNAMA

ZAI MAM RON